

6 projek terima Geran Komuniti Merdeka 118

PETALING JAYA — Sebanyak enam buah projek daripada 138 permohonan telah terpilih sebagai penerima Geran Komuniti Merdeka oleh anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd., PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. (PMVSB) dengan kerjasama organisasi penajaan semula bandar, Think City Sdn. Bhd.


Geran tersebut yang diumumkan pada Jun lalu membawa matlamat memupuk sinergi antara komuniti setempat dan pembangunan bercampur Merdeka 118, dengan tumpuan kepada lima lokasi penting iaitu Presint Jalan Petaling, Jalan Hang Tuah, Kampung Attap dan Pudu serta Kuadran Sukan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, program geran itu membuka ruang bagi Merdeka 118 memainkan peranan dalam menggiatkan semula Bandar Raya Kuala Lumpur.

"Kami bertekad untuk mendekati dan melibatkan penduduk sekitar bersama-sama menyumbang dalam usaha membangunkan lokasi ini.

"Projek-projek terpilih akan memberi kesan positif kepada masyarakat sekitar dengan meningkatkan tahap keselesaan hidup sambil menyokong mata pencarian penduduk setempat di samping meraikan warisan sejarah dan budaya tempatan," katanya dalam satu kenyataan.

Antara projek yang terpilih termasuk Kampung Attap Collective, yang menyasarkan untuk memperkaya dunia seni dan



AHMAD ZULQARNAIN



PROJEK Menara 118 bakal beri kesan positif kepada penduduk setempat selain mengekalkan warisan sejarah dan budaya di presint tersebut.

warisan di presint tersebut; projek *Eat, Pray, Love* di Jalan Petaling, melibatkan aktiviti berjalan sambil bersiar-siar menyusuri bangunan warisan serta kerja naik taraf gelanggang bola keranjang di Jalan Hang Jebat.

Turut terpilih adalah program

latihan vokasional bagi membangunkan kemahiran kulineri wanita berkeperluan khas; program pemeliharaan lebah tanpa sengat pintar di komuniti Pojek Perumahan Rakyat (PPR) terpilih serta Program Pemerkasaan Ekonomi untuk isi rumah B40.